

Workers Times

All About Workers

[Home](#) / [BISNES](#) / ANGKASA sedia jalin kerjasama dengan Koperasi Nammavar optimumkan IR4.0 dalam sektor pertanian, perladangan



[BISNES](#) [EDITOR'S PICK](#) [MAIN STORIES](#)

ANGKASA sedia jalin kerjasama dengan Koperasi Nammavar optimumkan IR4.0 dalam sektor pertanian, perladangan

September 16, 2022 / [Editor](#)



Setiausaha Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad, M. Kumaresan dan Pengarah Urusan Sakya Capital Limited, Dr Thangarasu Muthamil Selvan bertukar-tukar dokumen perjanjian kolaborasi dengan disaksikan oleh Timbalan Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik (tengah) dan Datuk Vyrn T. Raj.

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) akan memperluaskan usaha mengoptimumkan penggunaan teknologi revolusi perindustrian keempat (IR4.0) bagi memanfaatkan anggota badan itu dan juga negara dalam jangka panjang.

Timbalan Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik berkata, langkah tersebut bukan sahaja akan membantu masalah tenaga kerja serius yang dihadapi sekarang, tetapi juga akan menjamin sekuriti makanan negara.

“Memang tugas kami juga untuk sama-sama (memperkasakan penggunaan IR4.0), sekarang kami ada kerjasama dengan MPOB (Lembaga Minyak Sawit Malaysia), Lembaga Koko dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara.

“Dalam pertanian dan perladangan belum tetapi boleh terokai. Jadi, kita boleh jalin kerjasama dengan Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad, menggalakkan ahli buat pertanian dan ternakan... koperasi kumpulan pertanian dan penternakan,” kata beliau.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad dan menyaksikan Majlis Memeterai Perjanjian Kolaborasi Di Antara Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad dan Sakya Agroecology Private Limited bagi menerokai dan mengoptimumkan teknologi terkini dalam pertanian dan pemasaran industri pertanian di sini, hari ini.

Bagi pihak Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad, perjanjian itu ditandatangani oleh Timbalan Pengerusinya, M.A. Thirumugam dan Setiausaha Koperasi, M. M. Kumaresan manakala Sakya Agroecology Private Limited pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sakya Capital Limited, K. Kuresan dan Pengarah Urusannya, Dr Thangarasu Muthamil Selvan.



Timbalan Presiden ANKASA, Prof Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik menyampaikan ucapan perasmian.

Abdul Rahman berkata, model digunakan oleh Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad dalam aspek mengumpul dan memasarkan hasil pertanian adalah menarik.

“Jadi perkara ini menarik. Peranan koperasi dalam kumpul dan mengedarkan hasil tani, terutama dengan menggunakan teknologi dron dan sebagainya.

“Dengan langkah yang dilakukan oleh koperasi ini juga akan memberi contoh kepada koperasi-koperasi lain,” kata beliau.

Dalam pada itu, Pengerusi Yayasan Nammavar Malaysia, Datuk Vyran T. Raj berkata, menerusi Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad, Yayasan Nammavar Malaysia meletakkan sasaran untuk menjalin kerjasama dengan koperasi-koperasi di seluruh negara dalam penggunaan IR4.0 termasuk penggunaan teknologi dron dalam membangunkan industri pertanian dan memasarkan hasil industri tani.

“Kami bersedia untuk menjalin kerjasama dengan ANKASA dan juga koperasi-koperasi di negara ini dalam memperluaskan penggunaan teknologi moden dan terkini, antaranya IR4.0 bagi memajukan sektor pertanian dan hasil tani. Minggu depan kami akan mengadakan dengan beberapa agensi GLC bagi tujuan ini,” kata beliau.

Jelas beliau, pihaknya berpandangan bahawa koperasi-koperasi berteraskan sektor pertanian di Malaysia wajar menerokai IR4.0 bagi meningkatkan pulangan, hasil dan keuntungan demi memanafaat para pemegang taruh.

“Bagi tujuan itu, Yayasan Nammavar Malaysia akan menjalin kerjasama dengan kesemua koperasi dalam negara bagi mengoptimumkan teknologi terkini, sekali gus mencapai objektif kerajaan,” kata beliau.

Malah, kata Vyran, Yayasan Nammavar Malaysia juga percaya bahawa kerjasama Koperasi-Dengan-Koperasi (K2K) ini akan membantu menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja serius yang disaksikan sekarang, dan pada masa yang sama menyumbang kepada penyelesaian isu sekuriti makanan dalam jangka panjang serta menambah pendapatan ahli koperasi.

Katanya, Yayasan itu juga telah mengaturkan program-program latihan pertanian dan asas tani, termasuklah penggunaan dron, dan ekonomi digitalisasi untuk pemasaran pertanian yang amat wajar dan relevan dengan keperluan semasa.

“Usaha keseluruhan Yayasan ini sudah pasti akan membantu Kerajaan Keluarga Malaysia yang sedang memperkenalkan pelbagai program, skim dan inisiatif bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat Keluarga Malaysia di semua peringkat, dan pada masa yang sama membantu menangani kemiskinan bandar.

“Pihak kami telah mengaturkan pelbagai aktiviti dan program strategik di seluruh negara bagi mencapai matlamat yang disasarkan demi manfaat ahli-ahli Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad, yang sekali gus akan menyumbang ke arah pembangunan negara,” kata beliau.



Ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad dan Yayasan Nammavar, Datuk Vyran T. Raj.

Dalam pada itu, Thangarasu Muthamil (*foto di bawah*) berkata, pihaknya mahu menyediakan penyelesaian kepada Malaysia untuk menangani masalah dan isu yang wujud.



“Masalah Malaysia adalah masalah kami. Kami hendak sediakan penyelesaian.

“Kami ada mengadakan perbincangan dengan Yayasan Nammavar. Mereka ada berkongsi masalah-masalah yang wujud pada masa sekarang, dalam sektor (perladangan) kelapa sawit, tidak cukup tenaga kerja, melibatkan kerugian yang besar.

“Kami ada mengimport minyak sawit dari Malaysia... jadi masalah anda adalah masalah kami,” kata beliau dan menambah, pihaknya ada perisian dan teknologi yang boleh membantu Malaysia.

Kata beliau, syarikat Sakya AgroEconomy Pte Ltd mempunyai kelebihan dalam bioteknologi yang boleh menyumbang kepada pengurangan kebergantungan dalam penggunaan tenaga buruh yang besar.



Timbalan Presiden ANGKASA, Prof Madya Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik dan Datuk Vyran T. Raj bersama pemimpin kanan Koperasi Nammavargal Malaysia Berhad dan Sakya Capital Limited.